

14 keluarga diarah pindah kejadian kali kedua


SERENDAH: Empat belas keluarga di Jalan 9 dan 10 Taman Desa Melor di sini diarah berpindah rumah selepas berlaku tanah runtuh, kali kedua dalam tempoh setahun, kira-kira jam 5 petang semalam.

Runtuhan kali itu dipercayai berlaku akibat hujan lebat berterusan selama dua jam. Tanah runtuh kali pertama berlaku pada Disember tahun lalu.

Notis arahan berpindah dikeluarkan Pejabat Penghulu Mukim Serendah selepas mengesan beberapa runtuh di empat kawasan pada cerun yang ketinggian 200 meter itu.

Penduduk taman itu mendakwa mereka diarahkan berpindah ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Kiambang dekat sini, petang semalam.

Beberapa penduduk yang ditemui melahirkan rasa kesal berikutan tindakan penangguhan kerja pembaikan cerun itu



SEBUAH kereta Proton Wira antara kenderaan yang tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di Taman Cheras Awana dekat Kajang, semalam.

Tanah runtuh ancam nyawa penghuni flet

3 kereta, sebuah motosikal tertimbus di lereng bukit

Paip bocor punca tanah runtuh di Bukit Antarabangsa

SHAH ALAM: Kebocoran paip air dari saluran paip yang aktif di sepanjang jajaran rumah terbengkalai dikenal pasti punca utama tragedi tanah runtuh di Taman Bukit Mewah, Bukit Antarabangsa, Hulu Klang pada jam 3.30 pagi, 6 Disember 2008 yang mengakibatkan lima kematian dan 14 banglo musnah.

Jawatankuasa Teknikal Kajian Tanah Runtuhan mendapati keadaan itu menyebabkan kandungan air dalam tanah di kawasan kegagalan cerun meningkat dan menyumbang kepada kejadian tanah runtuh di situ.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, ketika membacakan ringkasan laporan kajian jawatankuasa itu berkata, ia adalah antara lima faktor penyumbang kejadian selain ikatan tanah yang poros pada cerun tambahan ketika pembangunan.

Katanya, ia juga berpunca daripada kurangnya penyelenggaraan serta kerosakan pada sistem perparitan di kawasan kegagalan cerun serta hujan yang kerap sebelum

sebelum ini.

Mereka mendakwa sebelum ini sudah diarah berpindah kerana dimaklumkan kerja pembaikan cerun akan dilaksanakan akhir Oktober lalu.

Namun, disebabkan masalah teknikal, arahan pemindahan itu ditarik balik dan penduduk di-benar kembali ke kediaman masing-masing.

Abdul Kadir Dahlan, 44, berkata penduduk muak dengan sikap pihak berkuasa yang kerap kali menangguhkan kerja pembaikan cerun sehingga mengakibatkan tanah runtuh, semalam.

"Kami kesusah dan kecewa dengan sikap berdo-lak-dalih yang dilakukan pihak bertanggungjawab kerana suka tangguh-tangguh.

"Runtuhan kali kedua ini membuatkan kami bertambah risau. Runtuhan tanah dari bukit sudah mula memasuki rumah penduduk," katanya kepada *Berita Harian* di sini, semalam.

Beliau yakin jika tidak berlaku runtuhan semalam, pihak berwajib masih berdiam diri dan berkemungkinan hanya akan bertindak selepas berlaku tragedi lebih besar.

Seorang lagi penduduk, Saadiah Che Umar, 42, juga mula bimbang akan keselamatan diri dan harta bendanya.

Oleh Ifwan Tun Tuan
ifwan@bharian.com.my

KAJANG: Sebelas keluarga yang mendiami tingkat bawah Blok B, Flet Taman Cheras Awana dekat sini, diarahkan berpindah serta-merta selepas lereng bukit bersebelahan bangunan itu runtuh menyebabkan tiga kereta dan sebuah motosikal tertimbus, petang semalam.


Dalam kejadian jam 2.30 petang itu, cerun bukit berkenaan yang dihadang benteng penahan runtuhan dikatakan runtuh berikutan hujan lebat berterusan lebih lima jam.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Mohd Shakaruddin Che Mood, berkata maklumat awal mendapati berlaku pergerakan tanah di kawasan bukit berdekatan yang sebelum ini pernah dilaporkan tidak stabil.

"Beberapa bulan lalu cerun bukit di kawasan sama runtuh dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) melantik kontraktor untuk membina benteng penahan runtuhan bagi mengelak kejadian itu berulang.

"Bagaimanapun, tadi (semalam) berlaku satu lagi runtuhan lebih besar daripada yang sebelumnya, malah menyebabkan benteng itu runtuh sama," katanya ketika ditemui di tempat kejadian di sini, semalam.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati runtuhan itu



RUNTUHAN cerun di Taman Desa Melor di Serendah menyebabkan 14 keluarga diarah berpindah.

berpunca daripada hujan lebat dan berlaku pergerakan tanah menyebabkannya runtuh serta menimbus tiga kereta dan sebuah motosikal.

"Kerugian dianggarkan kira-kira RM70,000 namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan," katanya.

Berikutan kejadian itu, beliau mengarahkan 11 keluarga membatalkan 50 orang di tingkat bawah flet berkenaan yang terletak hanya lima meter dari tebing bukit setinggi 10 meter berpindah sehingga siasatan mengenai struktur tanah kawasan itu selesai.

Pemilik dua kenderaan yang tertimbus dalam kejadian itu, B Ravindran, 42, berkata beliau amat terkejut

apabila dihubungi isterinya memaklumkan mengenai kejadian berkenaan.

"Sebaik pulang, saya sangat kecewa kerana melihat dua kereta saya musnah ditimbus tanah.

"Lebih mengecewakan, kontraktor sebelum ini mem-

“Kerugian dianggarkan kira-kira RM70,000 namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan”

**Mohd Shakaruddin
Che Mood**
Ketua Polis Daerah Kajang

beri jaminan benteng penahan yang dibina Jun lalu, kukuh dan mampu bertahan lebih 30 tahun... ini baru tiga bulan sudah runtuh," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk rumah pangsa berkenaan, Siti Alia Abdullah, 33, memberitahu beliau tergamam melihat tanah berhampiran rumahnya jatuh sedikit demi sedikit sebelum menghempap beberapa kereta jiran.

"Saya lihat dekat tingkap, nampak tanah jatuh sikit-sikit, lalu menghempap kereta jiran. Saya tergamam tak berkata lalu keluar rumah dan menjerit memanggil jiran di tingkat atas," katanya.

kejadian sekitar Oktober dan November 2008.

"Jawatankuasa ini mengenal pasti tiga siri gelinciran mengakibatkan tanah runtuh pada hari berkenaan, yang mana setiap satu hanya berselang tiga hingga lima minit, membabitkan keluasan empat hektar," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco, di sini, semalam.

Abdul Khalid berkata, ringkasan laporan siasatan kejadian tanah runtuh itu akan didedahkan kepada orang ramai mulai Isnin ini dan mereka boleh mendapatkannya daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dengan kos berpatutan.

Katanya, status klasifikasi dokumen itu diubah dengan menggunakan haknya sebagai Menteri Besar mengikut Seksyen 2C, Akta Rahsia Rasmi.

Jawatankuasa teknikal khas yang diketuai Cawangan Kejuruteraan Cerun Malaysia, Jabatan Kerja Raya itu dibentuk bagi menyiasat punca kejadian dan mengenal pasti langkah perlu diambil.

Jawatankuasa itu turut dianggotai Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Ukur dan Pemetaan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Meteorologi, Agensi Remote Sensing, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, MPAJ, Mohd Asbi & Associates dan Enceal Consultants Sdn Bhd.

MD FUZI ABD LATEH | BERITA HARIAN